



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN  
KHAMIS 30 JUN 2022**

<b>BIL</b>	<b>TAJUK KERATAN AKHBAR</b>	<b>KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI</b>
1.	HARGA AYAM TIDAK DIAPUNG, SUBSIDI DITERUSKAN – RONALD KIANDEE, GETARAN -ONLINE	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN (MAFI)
2.	KERAJAAN TERUSKAN SUBSIDI AYAM, HARGA SILING JUALAN DITETAPKAN RM9.40 SEKILO, SIAKAP KELI -ONLINE	
3.	KERAJAAN TERUSKAN SUBSIDI, TETAPKAN HARGA SILING RUNCIT AYAM STANDART RM9.40 SEKILOGRAM BAGI SEMENANJUNG MULAI 1 JULAI – RONALD, BERNAMA -ONLINE	
4.	SIN CHEW DAILY -ONLINE	
5.	SUBSIDI, HARGA SILING RUNCIT DITERUSKAN, LOKAL, HM -6	
6.	HARGA SILING AYAM RM9.40 SEKILOGRAM, NEGARA, KOSMO -4	
7.	HARGA SILING AYAM RM9.40, MUKA DEPAN, UM -1	
8.	JUAL AYAM RM8.90 BANTU RINGAN BEBAN PENDUDUK KAMPUNG, DALAM NEGERI, UM -10	
9.	PRICES OF CHICKEN AND EGGS GO UP, NATION, THE STAR -3	
10.	CONSUMERS: 50SEN RISE WILL HAVE BIG IMPACT ON EXPENSES, NATION, THE STAR -3	
11.	MANY RELIEVED WITH GOVERNMENT’S MOVE TO CONTROL CHICKEN PRICE, NATION, THE STAR -3	
12.	KUARANTIN LEMBU THAILAND 3 HARI SAJA, BH -ONLINE	JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR (DVS)
13.	TEMPOH KUARANTIN LEMBU HIDUP THAILAND DISINGKATKAN TIGA HARI, UM -ONLINE	
14.	IMPORT LEMBU HIDUP: MALAYSIA-THAILAND CAPAI PERSETUJUAN, SH -ONLINE	
15.	PROSEDUR TEKNIKAL IMPORT LEMBU HIDUP DARI THAILAND DITAMBAH BAIK, ASTRO AWANI -ONLINE	
16.	TATACARA TEKNIKAL IMPORT LEMBU DARI THAILAND DITAMBAH BAIK, SELANGOR KINI -ONLINE	
17.	LADANG AYAM DIGANTUNG OPERASI, NASIONAL, SH -21	
18.	LPP IMPORT 4,538 METRIK TAN AYAM DARI THAILAND, NASIONAL, SH -10	LEMBAGA PERTUBUHAN PELADANG (LPP)
19.	NELAYAN RAYU BINA BENTENG PEMECAH OMBAK, DALAM NEGERI, UM -29	LEMBAGA KEMAJUAN IKAN MALAYSIA (LKIM)
20.	NELAYAN PERLU KELUAR KEPOMPONG, DALAM NEGERI, UM -5	
21.	DI MANA BOLEH BELI IKAN MURAH?, DALAM NEGERI, UM -2	LAIN-LAIN
22.	ISI MAS HIJAU SEPERTI AISKRIM, DALAM NEGERI, UM -30	
23.	PERKUKUH EKOSISTEM BEKALAN ELAK KRISIS, NEGARA, KOSMO -10	
24.	KEBUN LANGGAR SYARAT PELIHARA HAIWAN TERNAKAN, NASIONAL, BH -9	
25.	PARAS BAHARU HARGA SILING AYAM RM9.40 SEKILOGRAM, NASIONAL, BH -3	
26.	PERSATUAN PENTERNAK SETUJU PENETAPAN KADAR BAHARU, NASIONAL, BH -3	
27.	SEMUA PIHAK KENA AKUR, TAK AMBIL KESEMPATAN, NASIONAL, BH -3	
28.	JUAL 100KG MUSANG KING SETIAP HARI, NEGARA, KOSMO -16	
29.	RANAU QUAKE VICTIM NOW AN EXPERT ON MODERN FARMING, NATION, NST -7	

UKKMAFI

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT  
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN  
(UNTUK EDARAN DALAMAN MAFI, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
30/6/2022	GETARAN	ONLINE	

## Harga Ayam Tidak Diapung, Subsidi Diteruskan - Ronald Kiandee

PUTRAJAYA - Kerajaan memutuskan untuk tidak mengapungkan harga ayam, sebaliknya meneruskan pemberian subsidi.

Serentak dengan itu, harga siling runcit ayam standard ditetapkan pada kadar RM9.40 sekilogram bagi Semenanjung Malaysia.

Menteri Pertanian dan Industri Makanan, Datuk Seri Dr Ronald Kiandee berkata, keputusan yang dicapai pada Mesyuarat Jemaah Menteri itu turut menetapkan harga siling runcit telur ayam gred A pada kadar 45 sen sebiji.

Telur gred B serta C pula jelasnya, masing-masing ditetapkan pada harga 43 dan 41 sen sebiji.

“Penetapan harga siling bagi ayam standard dan telur ini akan berkuatkuasa 1 Julai dan telah mengambil kira serta diselaraskan dengan Bantuan Keluarga Malaysia (BKM) yang diumumkan Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob baru-baru ini,” katanya hari ini.



Dr Ronald Kiandee - Gambar fail

Ronald berkata, pelaksanaan berkenaan bermakna kerajaan telah memperuntukkan RM369.5 juta sebagai subsidi buat kedua-dua bahan mentah berkenaan, menjadikan jumlah keseluruhan yang ditanggung kerajaan sejak 5 Februari lalu sebanyak RM1.1 bilion.

“Isu kenaikan harga barang tidak berlaku di Malaysia sahaja, sebaliknya merupakan fenomena global ekoran gangguan rantaian bekalan, akibat konflik geopolitik dan perubahan iklim.

“Namun, kerajaan sedaya upaya berusaha menetapkan mekanisme pengawalan harga bagi memastikan Keluarga Malaysia tidak terbeban dengan cabaran kos sara hidup,” katanya.

Jelas Ronald, seramai 8.6 juta penerima bakal menikmati kemudahan BKM sehingga RM2,600 yang diluluskan tahun ini, iaitu tertinggi pernah diberikan mana-mana kerajaan.

Menteri Kewangan, Tengku Datuk Seri Zafrul Tengku Abdul Aziz pada 26 Jun lalu berkata, jumlah keseluruhan subsidi tahun ini dijangka menghampiri RM80 bilion, yang merupakan terbesar dalam sejarah.

Menurut beliau, kerajaan telah memberi pelbagai subsidi kepenggunaan meliputi petrol, diesel, gas petroleum cecair (LPG), minyak masak, tepung dan elektrik bagi mengurangkan tekanan inflasi terhadap rakyat. – Getaran, 29 Jun 2022

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
30/6/2022	SIKAP KELI	ONLINE	



**Siakap Keli**

13 hrs

TERKINI: Kerajaan Teruskan Subsidi Ayam, Harga Siling Jualan Ditetapkan RM 9.40 Sekilo



SIKAPKELI.MY

**Kerajaan Teruskan Subsidi Ayam, Harga Siling Jualan Ditetapkan RM 9.40 Sekilo**

Kerajaan meneruskan subsidi dengan menetapkan harga siling runcit ayam standar kepada RM9.40...

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
30/6/2022	BERNAMA	ONLINE	



14 hrs

📌 Kerajaan teruskan subsidi, tetapkan harga siling runcit ayam standard RM9.40 sekilogram bagi Semenanjung mulai 1 Julai - Ronald

📌 Harga siling runcit telur ayam ditetapkan 45 sen sebiji bagi gred A, gred B (43 sen/biji) dan gred C (41 sen/biji) di Semenanjung mulai 1 Julai - Ronald

Berits penuh : <https://www.bernama.com/bm/am/news.php?id=2095657>

<https://www.bernama.com/bm/am/news.php?id=2095686>

#SekuritiMakanan

**TERKINI**

**Kerajaan teruskan subsidi, tetapkan harga siling runcit ayam standard RM9.40 sekilogram bagi Semenanjung mulai 1 Julai - Ronald**



[bernamedotcom](https://www.bernama.com) [bernamaofficial](https://www.facebook.com/bernamaofficial) [bernamaofficial](https://www.instagram.com/bernamaofficial) [bernama.com](https://www.bernama.com)



1451.48(-3.26)
10349.67(-26.18)
10087.89(-23.24)
4840.09(+45.23)
23億7794萬4800股
馬幣 4.4008 ↓
馬幣 5.3615 ↑
馬幣 4.6253 ↑
馬幣 3.1692 ↑
馬幣 3.0281 ↑
馬幣 3.2323 ↑
馬幣 65.715 ↑

# 星洲日報

SIN CHEW DAILY 夜報

30. 6. 2022 | 星期四 | 壬寅年六月初二



**MRD**  
 立柱式水龙头  
**RM 21**  
 RRP: RM60



農長：政府續提供補貼

# 肉雞頂價每公斤 9.4



今天沒更新逾期駕照須重考

(吉隆坡29日讯) 农业部长拿督斯里罗纳建迪今日宣布大马半岛肉鸡的顶价是每公斤9.40令吉。A、B、C级蛋的顶价分别是4.10、4.00及3.90令吉。他今日发文告说，肉鸡及肉鸡价格随市场浮动，政府将提供补贴。

### 半岛鸡蛋制定

他说，内阁也同意为大马半岛鸡蛋制定顶价，即A级鸡蛋每个45仙，B级鸡蛋每个41仙。

他指出，政府估计肉鸡产量达3亿6950万令吉，自今年2月起贴到11亿令吉。

罗纳建迪说，商品价格上涨在我国，而是由于地缘政治导致供应链中断，这是一种挑战。

### 建立价格控制

“然而，政府正在尽最大努力建立价格控制机制，以确保国人不会承受太大挑战。”

他指出，这项决定与首相一家援助(BKM)现金援助计划向B40群体和一些M40的额外现金援助。

他说，今年共有860万令吉援助计划下，家庭可获得有史以来政府提供的最高援助。



- 首页
- 最新
- 头条
- 国内
- 国际
- 言路
- 财经
- 地方
- 副刊

国内 » 即时国内

4:53pm 29/06/2022

字

## 西马肉鸡顶价每公斤RM9.40 鸡蛋介于41至45仙

(吉隆坡29日讯) 农业及食物工业部长拿督斯里罗纳建迪今日宣布，从7月1日起，大马半岛肉鸡的顶价是每公斤9令吉40仙，而A、B、C级蛋的顶价分别是45、43和41仙。

他发文告说，内阁会议今日决定不让肉鸡价格随市场浮动，政府会继续提供补贴。

他说，内阁也同意为大马半岛鸡蛋制定顶价，即A级鸡蛋每个45仙，B级每个43仙和C级蛋每个41仙。

他指出，政府估计肉鸡与鸡蛋津贴费用高达3亿6950万令吉，自今年2月5日以来，总补贴达到11亿令吉。

罗纳建迪说，商品价格上涨的问题不仅发生在我国，而是由于地缘政治冲突和气候变化导致供应链中断，这是一种全球现象。

“然而，政府正在尽最大努力建立价格控制机制，以确保国人不会承受生活成本重担的挑。”

他指出，这项决定与首相最近宣布的大马一家援助（BKM）现金援助计划相互协调，该计划向B40群体和一些M40群体提供500令吉的额外现金援助。

他说，今年共有860万人受惠于大马一家援助计划下，家庭可获得高达2600令吉，是有史以来政府提供的最高援助。

◆顶价 ◆鸡蛋 ◆肉鸡

[大马人不懂后果严重！这些钞票是贼赃别收别用](#)

[被讥无法用TNG付停车费！1Utama官方霸气回应获狂赞](#)

[大马人须知！让你省时又省事 线上处理生活大小事最全攻略](#)

[7月份寿星生日优惠！10个商家送出免费好康 带你吃喝玩乐~](#)

[雪州政府派补助金！你每月可领RM300 为期一年](#)

ADVERTISEMENT



- 首页
- 最新
- 头条
- 国内
- 国际
- 言路
- 财经
- 地方
- 副刊

国内 » 全国综合

2:40pm 29/06/2022

字

## 兽医局：包括缩短隔离期 改进泰国活牛进口技术

（八打灵再也29日讯）大马兽医服务局（DVS）和泰国畜牧业发展部（DLD）一致改进从泰国进口活牛的技术程序，作为进口来源无疫认证的一个选项，为泰国进口活牛提供便利，以满足宰牲庆典（ibadah korban）的供应需求。

大马兽医服务局今日发文告说，上述的协议也包括在马来西亚的隔离期缩短至3天。

该文告建议进口商和养殖者根据便利的技术程序，遵守商定的兽医健康条件。

“我们建议所有相关方获得州属牲畜转移在屠宰场外屠宰牲畜，而相关文件可以从室进行申请。



“这项行动让州属或县区兽医服务人员能进行兽医血液检测，以预防



该文告说，继重新授权从泰国进口活牛后，大马兽医服务部和泰国畜牧业发展部于2022年3月就活牛进口协议达成协议，随后在6月24日举行了讨论，以促进从泰国进口活牛用于屠宰的技术程序。

### 兽医 牲畜

[大马人不懂后果严重！这些钞票是贼赃别收别用](#)

[被讯无法用TNG付停车费！1Utama官方霸气回应获狂赞](#)

[大马人须知！让你省时又省事 线上处理生活大小事最全攻略](#)

[7月份寿星生日优惠！10个商家送出免费好康 带你吃喝玩乐~](#)

[雪州政府派补助金！你每月可领RM300 为期一年](#)

ADVERTISEMENT



0条评论




添加评论...



## 相关新闻



**泰国宠物猫染冠病 或成猫传人全球首例**

2星期前 



**请帮帮我!**

2星期前 





### 喵喵乱尿狂抓门 兽医：它嫌你很烦

1月前



### 市厅捉狗队沙登一带行动 射杀流浪狗 人心惶惶

3月前



### 没戴手套摸狗被轰 巫裔兽医打脸网民

3月前



### 利华路槟市厅兽医办公室 提供一站式申请狗牌服务

6月前



更多国内新闻





### 轿车驶入摩托车专行道 警方急晤司机或目击者助查

6小时前



### 警捕千案累累窃匪 至少涉灵市6宗案

6小时前



### Rozel Maxiflex体验馆 为你寻找“最佳睡眠伴侣”

7小时前

### 努沙加获澳洲庇护 黄英贤：非政治决定

澳洲外交部长黄英贤说，本地化妆品企业家兼网络红人努沙加（Nur Sajat）获得澳洲庇护非政治决定，因为该决定是根据澳洲国内法律框架作出的。...

8小时前



### 达祖丁被革除虽不是大事 陆兆福：扎希形同对首相“宣战”

9小时前



副乐 10小



夫：2男护士  
在ICU轮奸…

超过RM250  
的订单免费…

三姐妹都不抽  
烟 一年内…

每分享一个意  
见即可获得…

逆子要钱买大  
麻被拒 多…

回马与家人欢  
聚 杨紫琼…

加盟《披荆斩  
棘》路透曝…

强奸犯刚出狱  
就被掳走 …

Interested  
in runnin…

曾败光积蓄陪  
酒拍AV 女…

XPS 笔记本电  
脑采用优质…

人伦惨剧！美  
国男子枪杀…



# 泰国宠物猫染冠病 或成猫传人全球首例

18/06/2022 👁



图非涉事宠物猫。（法新社照片）

全球可能出现首宗猫传人冠病个案。

美国《纽约时报》上周五（10日）报道，泰国宋卡府一只宠物猫去年8月由于主人确诊冠病，获送至兽医医院检查，期间曾向兽医打喷嚏。

兽医之后确诊冠病，基因组测序甚至显示染相同版本的冠病变种毒株Delta，或成首例。

报道指，一对染疫父子去年8月8日前往宋卡府，宠物猫被送往兽医医院检查。



中招。

根据基因组测序显示，众人及宠物猫感染冠病病毒基因组与当地其他冠病患者不同，即代表兽医可能是被宠物猫的病毒感染。

0条评论

排序方式 **最早**



添加评论...

Facebook 评论插件

**网友在看什么 >>**

by

AD

**被讥无法用TNG  
付停车费!**

**大马人不懂后果严重!  
这些钞票是贼**

**雪州政府派补助金!  
你每月可领**

**超过RM250的订  
单免费送货**



星洲日报基金会

星洲企业楷模奖

星洲日报教育基金

星洲日报体育及休闲基金





## 关于我们

[关于我们](#)

[联络我们](#)

[求才若渴](#)

[使用者条例](#)

[Disclaimer](#)

[私隐政策声明](#)

[常见问题](#)

[刊登广告](#)

[订阅服务](#)

## 星洲媒体集团

[星洲人](#)

[星洲电子报](#)

[学海](#)

[星星学堂](#)

[小星星](#)

[星汇](#)

[爱](#)

[分类](#)

## 世华媒体集团

[中国报](#)

[风采](#)





---

## 友情链接

RH Hotel, sibu, sarawak

---

Copyright © 2022 Sin Chew Media Corporation Berhad (98702-V). All rights reserved.

◆版权所有◆不得转载

Solution Powered by **AppAsia** ver P-3.9.72.

---

---



TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
30/6/2022	SINAR HARIAN	NASIONAL	10

## LPP import 4,538 metrik tan ayam dari Thailand

**KLANG** - Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP) mengimport sebanyak 4,538 metrik tan ayam secara berperingkat dari Thailand sehingga akhir bulan depan bagi mewujudkan simpanan stok atau *stockpile* ayam.

Ketua Pengarah Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP), Datuk Azulita Salim berkata, usaha ini dilaksanakan Pertubuhan Peladang Kebangsaan (Nafas) dan gabungan Pertubuhan Peladang Negeri (PPN).

Menurutnya, sebagai permulaan, Nafas dan PPN Selangor telah mengimport enam kontena dengan kapasiti 120 metrik tan ayam dari Thailand yang disahkan halal oleh Jabatan Veterinar Malaysia (DVS).

"Satu kontena telah sampai dan ditempatkan di bilik sejuk Nafas sementara

satu lagi kontena sampai hari ini (Rabu) dan ditempatkan di bilik sejuk PPN Selangor di Pandamaran, Klang.

"Empat kontena lagi dijadualkan akan tiba minggu hadapan," katanya ketika ditemui dalam sesi lawatan beliau ke kilang pemprosesan ayam PPN Selangor di Pandamaran di sini pada Rabu.

Beliau memaklumkan, selain dari PPN Selangor, PPN Johor juga akan mengimport ayam dari negara jiran berkenaan sebanyak tiga kontena manakala PPN Perak sebanyak lima kontena dalam masa terdekat ini.

Menurutnya, LPP di bawah Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) sentiasa peka dan prihatin akan segala permasalahan yang berlaku dalam industri

makanan negara.

Malah beliau berkata, pihak terbabit juga akan terus memastikan bekalan makanan negara terjamin dalam apa jua keadaan.

"LPP akan terus membantu menangani isu kekurangan bekalan ayam di pasaran dan harga makanan melalui kaedah menggembleng pergerakan Nafas dan gabungan PPN dalam pelaksanaan stok pengimbal ayam.

"LPP juga akan terus memantau pelaksanaan penjadualan pengimportan dengan kerjasama dari pihak DVS, MAQIS dan FAMA bagi menjayakan program ini dengan keutamaan diberikan kepada PPN yang mempunyai kemudahan bilik sejuk," tambahnya.

# Harga ayam RM9.40 sekilo mulai 1 Julai

Harga siling runcit telur ayam pula 0.45 sen sebiji bagi gred A, gred B 0.43 sen dan gred C 0.41 sen

Oleh **TUAN BUQHAIRAH TUAN MUHAMAD ADNAN PUTRAJAYA**

**H**arga siling ayam standard ditetapkan pada kadar RM9.40 sekilogram di Semenanjung Malaysia bermula 1 Julai.

Menteri Pertanian dan Industri Makanan (MAFI), Datuk Seri Dr Ronald Kiandee berkata, keputusan itu dibuat oleh jemaah menteri yang bermesyuarat pada Rabu.

"Mesyuarat juga bersetuju menetapkan

harga siling runcit telur ayam pada kadar 0.45 sen sebiji bagi gred A, gred B (0.43 sen) dan gred C (0.41 sen) di Semenanjung Malaysia," katanya dalam satu kenyataan pada Rabu.

Buat masa sekarang, harga siling ayam standard (diproses dan dijual dengan kepala, kaki dan organ) ditetapkan pada RM8.90 sekilogram manakala harga maksimum bagi ayam super adalah RM9.90 sekilogram.

Sementara harga siling bagi telur, gred A, B dan C, yang telah ditetapkan masing-masing pada RM0.43, RM0.41 dan RM0.39 sebiji.

Bagaimanapun harga tersebut akan berakhir pada Khamis.

Ronald berkata, keputusan penetapan harga siling yang baharu itu telah mengambil kira dan diselaraskan dengan Bantuan Keluarga Malaysia (BKM) yang



**RONALD KIANDEE**

diumumkan Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob baru-baru ini melalui inisiatif bantuan tunai termasuk bantuan tunai tambahan berjumlah sehingga RM500 kepada golongan B40 dan sebahagian daripada golongan M40.

"8.6 juta penerima BKM sudah diluluskan dengan isi rumah bakal menerima sehingga RM2,600 tahun ini," katanya.

Menurutnya, bantuan itu adalah tertinggi yang pernah diberikan oleh mana-mana kerajaan.

"Dengan pelaksanaan subsidi ini, kerajaan memperuntukkan RM369.5 juta, menjadikan jumlah keseluruhan subsidi RM1.1 bilion sejak 5 Februari lalu," katanya.

Tambahnya, isu kenaikan harga barang tidak berlaku di Malaysia sahaja, sebaliknya ia merupakan fenomena global ekoran gangguan rantaian bekalan akibat konflik geopolitik dan perubahan iklim.



TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
30/6/2022	HARIAN METRO	LOKAL	6

**Kuala Lumpur:** Mesyuarat Jemaah Menteri, semalam memutuskan tidak menga-pungkan harga ayam, seba-liknya meneruskan subsidi dan menetapkan harga siling runcit ayam standard pada kadar RM9.40 sekilogram di Semenanjung Malaysia.

Menteri Pertanian dan In-dustri Makanan Datuk Seri Dr Ronald Kiandee berkata, mesyuarat bersetuju mene-tapkan harga siling runcit telur ayam pada kadar 45 sen sebiji bagi gred A, gred B (43 sen/biji) dan gred C (41 sen/biji).

Menurutnya, penetapan harga siling bagi ayam stan-dard dan telur ini berkuat kuasa bermula esok.

"Keputusan ini mengamb-il kira dan diselaraskan de-ngan Bantuan Keluarga Ma-laysia (BKM) diumumkan Perdana Menteri, Datuk Sri Ismail Sabri Yaakob ba-

## ISU HARGA AYAM

# Subsidi, harga siling runcit diteruskan



ru-baru ini melalui inisiatif bantuan tunai termasuk bantuan tunai tambahan se-hingga RM500 kepada go-longan B40 dan sebahagian daripada golongan M40.

"Seramai 8.6 juta peneri-ma BKM diluluskan dengan isi rumah bakal menerima sehingga RM2,600 tahun ini," katanya.

Beliau berkata, bantuan itu adalah tertinggi yang

pernah diberikan oleh ma-na-mana kerajaan.

"Dengan pelaksanaan sub-sidi ini, kerajaan mem-peruntukkan sebanyak RM369.5 juta, menjadikan jumlah keseluruhan subsidi adalah sebanyak RM1.1 bi-lion sejak 5 Februari lalu.

"Isu kenaikan harga ba-rang tidak berlaku di Ma-laysia sahaja, sebaliknya ia fenomena global berikutan gangguan rantaian bekalan akibat konflik geopolitik dan perubahan iklim," katanya.

Namun katanya, kerajaan berusaha menetapkan me-kanisme memastikan Ke-luarga Malaysia tidak ter-beban.

## Kerajaan memperuntukkan RM369.5 juta bagi penetapan harga baharu bermula 1 Julai

# Harga siling ayam RM9.40 sekilogram


Oleh EDDY HAMIDI

**PUTRAJAYA** - Kerajaan semalam mengumumkan harga siling runcit bagi ayam standard di Semenanjung Malaysia yang ditetapkan pada kadar RM9.40 sekilogram berkuat kuasa esok.

Menteri Pertanian dan Industri Makanan, Datuk Seri Ronald Kiang berkata, Mesyuarat Jemaah Menteri juga bersetuju menetapkan harga siling runcit telur ayam pada kadar RM0.45 sen sebiji bagi gred A, gred B (RM0.43 sebiji) dan gred C (RM0.41 sebiji) di Semenanjung Malaysia.

Mesyuarat Jemaah Menteri telah mengambil keputusan untuk tidak mengapungkan harga ayam, sebaliknya meneruskan subsidi serta menetapkan harga siling runcit bagi ayam standard.

"Malah, keputusan ini juga telah mengambil kira dan diselaraskan dengan Bantuan Keluarga Malaysia (BKML) yang diumumkan oleh Perdana Menteri baru-baru ini.



**HARGA siling baharu bagi ayam standard yang diputuskan kerajaan adalah RM9.40 sekilogram.**

"Seramai 8.6 juta penerima hingga RM2,600 tahun ini, inalah BKM sudah diluluskan dengan bantuan ini adalah tertinggi yang pernah diberikan oleh mana-mana-

Ronald berkata, dengan pelak-

sanaan subsidi itu, kerajaan memperuntukkan sebanyak RM369.5 juta, menjadikan jumlah keseluruhan subsidi adalah sebanyak RM1.1 bilion sejak 5 Februari lalu.

"Isu kenaikan harga barang tidak berlaku di Malaysia sahaja, sebaliknya ia merupakan fenomena global ekoran gangguan rantaian bekalan akibat konflik geopolitik dan perubahan iklim.

"Bagaimanapun, kerajaan sedaya upaya berusaha menetapkan mekanisme pengawalan harga bagi memastikan Keluaraga Malaysia tidak terbebani dengan cabaran kos sara hidup," ujar beliau.

Sebelum ini, kerajaan memutuskan untuk tidak mengapungkan harga ayam di pasaran dan akan mengemukakan harga siling baharu mentah tersebut dalam masa terdekat.

Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob berkata, harga siling baharu itu akan diumumkan dalam masa terdekat.



TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
30/6/2022	UTUSAN MALAYSIA	MUKA DEPAN	1

# Harga siling ayam RM9.40

PM umum Pasukan Khas Jihad Tangani Inflasi

Oleh MAISARAH SHEIKH RAHIM  
maisarah.rahim@mediamulia.com.my

**PUTRAJAYA:** Kerajaan menetapkan harga siling runcit ayam standard RM9.40 sekilogram sementara telur naik dua sen bagi setiap gred berkuat kuasa mulai esok.

Pada masa sama, Perdana

Menteri Datuk Seri Ismail Sabri Yakob turut mengumumkan penubuhan Pasukan Khas Jihad Tangani Inflasi bagi membantu rakyat Malaysia menghadapi peningkatan kos sara hidup.

Pasukan khas tersebut akan berfungsi sebagaimana pasukan yang menguruskan pandemik Covid-19, dengan mengadakan mesyuarat dua kali seminggu

iaitu pada Isnin dan Khamis.

Ia untuk mengumpulkan semua maklumat daripada Kementerian, agensi dan orang ramai bagi merangka strategi serta mengkoordinasi tindakan menyelesaikan isu-isu berkaitan inflasi khususnya mengawal kenaikan harga barang dengan lebih efisien dan berkesan.

"Langkah ini diambil ekoran

cabaran peningkatan kos sara hidup akibat perubahan iklim dan ketidaktentuan geopolitik termasuk konflik antara Russia-Ukraine yang dijangka berlarutan sehingga memberi kesan kepada pasaran komoditi makanan serta bahan api," kata Perdana Menteri dalam kenyataan.

**Bersambung di muka 2**



## Kedai tradisional

RATUSAN barangan dapur seperti pinggan, mangkuk, dulang, cawan kaca, senduk, sudu dan bakul di kedai Stevan Hong, 65, di Jalan Besar Kuantan, di Kuantan, Pahang yang wujud sejak tahun 1960 terus menjadi tarikan pengunjung memilih barang keperluan. - UTUSAN/SHAIKH AHMAD RAZIF



Minda  
Pengarang

NIZAM ABDUL HAMID



## Di mana boleh beli ikan murah?

SEBUT sahaja di mana barang keperluan harian dijual pada harga murah, maka di situlah orang ramai akan bertumpu untuk mencari barangan tersebut. Keadaan itu bukan sesuatu yang pelik kerana ketika zaman segala barang dijual mahal, yang murahlah dicari orang.

Begitu juga di Sekinchan, Selangor, satu kawasan yang terletak di tepi laut dan terdapat banyak jeti nelayan serta perkampungan nelayan. Harga ikannya dikatakan lebih murah daripada tempat lain. Berdasarkan kedudukan geografi itu, mungkin anggapan banyak pihak harga ikan di kawasan tersebut lebih murah adalah betul. Tetapi benarkah anggapan tersebut?

Kalau harga sotong bersaiz sederhana sekilo RM30, ikan jenahak sekilo RM40 dan kebanyakan peniaga bersebelahan jeti pendaratan ikan pula seperti tidak berminat menjual ikan rakyat contohnya kembung, belanak, murahkah harga ikan di Sekinchan?

Sebab itulah jangan berasa pelik apabila ada orang ramai yang akan bergerak dari satu jeti ke satu jeti lain kerana mencari ikan yang harganya lebih murah. Malah ada yang masuk tetapi keluar semula dengan tangan kosong. Rata-rata kecewa dengan harga ikan yang tinggi.

Mereka tidak menunggu lama pun untuk tawar menawar kerana harga memang sudah ditunjukkan sekian-sekian. Mereka pun tahu harga ikan yang ditawarkan mungkin lebih kurang sama juga dengan ikan di tempat mereka.

Kalau ada yang membeli pun sebab sudah malas mencari peniaga yang menjual dengan harga lebih murah ataupun enggan pulang kosong selepas datang dari jauh mencari ikan yang murah.

Kebanyakan peniaga ikan di jeti berkenaan menjual sumber protein itu pada harga yang lebih kurang sama dengan tempat-tempat lain.

Memang agak mengecewakan jika harga ikan di jeti pun sama mahal dengan harga ikan yang dijual di pasar sama ada di Sekinchan sendiri atau pun pasar-pasar di tempat lain. Ia satu keadaan yang tidak sepatutnya berlaku apabila ramai beranggapan ikan di jeti sepatutnya lebih murah.

Kalau peniaga di jeti pun jual mahal, pada siapa lagi boleh diharapkan untuk menjual ikan dengan harga yang lebih rendah?

Di jetilah sebenarnya Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) patut main peranan dan membantu orang ramai mendapatkan ikan pada harga yang lebih rendah. Ini kerana LKIM dikatakan mempunyai 140 jeti pendaratan ikan di seluruh negara malah ada peti sejuk besar untuk tujuan menyimpan stok.

Nizam Abdul Hamid ialah Pengarang Berita Utusan Malaysia

## Harga siling ayam RM9.40

Dari muka 1

Menurut beliau, pasukan khas itu dipengerusikan Menteri Komunikasi dan Multimedia, Tan Sri Annuar Musa dan dianggotai Menteri Kewangan, Datuk Seri Tengku Zafrul Tengku Abdul Aziz; Menteri Pertanian dan Industri Makanan, Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee; Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Seri Alexander Nanta Linggi; Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Ekonomi), Datuk Seri Mustapa Mohamed dan Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Mohd. Zuki Ali.

Kata Perdana Menteri, pegawai khusus di setiap kementerian akan dilantik sebagai pegawai rujukan untuk memberi maklum balas segera kepada Pasukan Khas yang dirussetikan oleh Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP).

Sementara itu, Ronald ketika mengumumkan harga siling baharu ayam bekata, ia menyaksikan kenaikan 50 sen daripada harga siling ketika ini RM8.90.

Katanya, harga siling runcit telur ayam pula 45 sen/biji bagi gred A; gred B (43 sen/biji) dan gred C (41 sen/biji).

"Harga siling baharu itu akan berkuat kuasa pada 1 Julai seperti diputuskan dalam mesyuarat Jemaah Menteri semalam.

"Dengan pelaksanaan ini, kerajaan memperuntukkan sebanyak RM369.5 juta bagi penetapan harga siling baharu,

### HARGA SILING AYAM DAN TELUR

- Ayam
- Harga siling dahulu: **RM8.90 sekilogram**

- Harga siling mulai 1 Julai 2022: **RM9.40 sekilogram**

- Telur:

- Harga siling dahulu: (Semenanjung)

Telur gred A (**0.43 sen/biji**)Telur gred B (**0.41 sen/biji**)Telur gred C (**0.39 sen/biji**)

- Harga siling mulai 1 Julai 2022:

Telur gred A (**0.45 sen/biji**)Telur gred B (**0.43 sen/biji**)Telur gred C (**0.41 sen/biji**)

menjadikan jumlah keseluruhan subsidi sebanyak RM1.1 bilion sejak 5 Februari lalu," kata beliau.

Ronald berkata, keputusan penetapan harga siling mengambil kira dan disesuaikan dengan Bantuan Keluarga Malaysia (BKM) yang diumumkan Perdana Menteri, baru-baru ini melalui inisiatif bantuan tunai termasuk bantuan tunai tambahan berjumlah sehingga RM500 kepada golongan B40 dan sebahagian daripada golongan M40.

"Isu kenaikan harga barang tidak berlaku di Malaysia sahaja, sebaliknya ia fenomena

global ekoran gangguan rantaian bekalan akibat konflik geopolitik dan perubahan iklim.

"Namun, kerajaan sedaya upaya berusaha menetapkan mekanisme pengawalan harga bagi memastikan Keluarga Malaysia tidak terbeban dengan cabaran kos sara hidup," katanya dalam kenyataan.

Bantuan BKM, melibatkan 8.6 juta penerima sudah diluluskan dengan isi rumah bakal menerima sehingga RM2,600 tahun ini. Bantuan tersebut adalah tertinggi pernah diberikan kerajaan.

Februari lalu, kerajaan memutuskan pemberian subsidi ayam dan telur kepada penerima di seluruh negara melibatkan implikasi kewangan berjumlah RM528.52 juta.

Pemberian subsidi itu melibatkan 60 sen bagi setiap kilogram dengan mengambil kira harga ayam hidup di peringkat ladang sebanyak RM5.90 per kilogram dan harga runcit ayam bulat standard sebanyak RM8.90 per kilogram, selain pemberian subsidi sebanyak 5 sen bagi setiap biji untuk semua jenis kategori telur.

Bagaimanapun, subsidi itu dihentikan bermula 1 Julai ini kerana ramai penternak tidak membuat tuntutan dan pelbagai isu dibangkitkan.

Kerajaan menukar kaedah pemberian subsidi itu terus kepada rakyat yang memerlukan dengan peruntukan bantuan tunai tambahan BKM melibatkan tambahan peruntukan sebanyak RM630 juta bagi Fasa 2.



TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
30/6/2022	UTUSAN MALAYSIA	DALAM NEGERI	10

# Jual ayam RM8.90 bantu ringan beban penduduk kampung

**ALOR SETAR:** Sebuah syarikat penternakan di sini menjual ayam bulat super yang disembeleh dan siap dibersihkan tanpa kepala, kaki dan isi perut pada harga RM8.90 sekilogram berbanding harga siling RM9.90.

Pengarah Urusan Bismi Empire Sdn. Bhd. (Ayam Bismi), Mazlina Kamarudin berkata, walaupun keuntungan menyusut RM1 daripada jualan, langkah itu diharapkan dapat meringankan beban pengguna dan peniaga kecil.

"Selama ini, memang kami jual RM8.90 berbanding RM9.90 bagi ayam bulat super. Rugi RM1 tak apalah. Harga RM8.90 ini sebenarnya harga untuk ayam bulat yang siap sekali usus, isi perut yang paling kurang 100 hingga 200 gram beratnya."

"Apabila pengguna bayar pada harga itu (RM9.90) mereka rugi antara 90 sen sehingga RM1.80, kami cuma ingin bantu pengguna dan peniaga kecil yang beli ayam di sini pada harga rendah untuk jual di kampung masing-masing," katanya



**PELANGGAN** mendapatkan ayam bulat super di pusat jualan Ayam Bismi yang dijual pada harga RM8.90 sekilogram di Simpang Empat, Alor Setar. - UTUSAN/JAMLIJAH ABDULLAH

di sini semalam.

Sabtu lalu, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob menegaskan keputusan kerajaan tidak menga-pungkan harga ayam di pasaran

negara bukanlah satu tindakan 'U-turn' sebaliknya memenuhi kehendak rakyat.

Perdana Menteri berkata, keputusan yang diumumkan

**Langkah itu diharap dapat meringankan beban pengguna dan peniaga kecil."**

**MAZLINA KAMARUDIN**

adalah bagi memenuhi hasrat rakyat kerana ia mampu memberi kebaikan kepada semua.

Tambah Mazlina, setiap hari sebanyak 10,000 ayam bulat disediakan di 16 pusat jualan Ayam Bismi.

"Sehingga kini, sambutan sangat menggalakkan di semua outlet kami, tetapi harga ini ditetapkan sehingga 1 Julai apabila pengumuman harga kawalan baharu dibuat.

"Sebenarnya tanpa subsidi memang syarikat tidak untung tetapi syarikat tidak berhasrat untuk mengambil keuntungan berlebihan," katanya.



# Prices of chicken and eggs go up

## Cabinet sets RM9.40 per kg for standard chicken, eggs up by 2sen

By TARRENCE TAN  
tarrence@thestar.com.my

**PETALING JAYA:** Effective tomorrow, chicken will cost RM9.40 a kg, up by 50sen, based on the new ceiling price set by the Cabinet following its weekly meeting yesterday.

The Cabinet decided not to float the price of chicken and set the new ceiling price for standard chicken, said Agriculture and Food Industries Minister Datuk Seri Dr Ronald Kiang.

Kiang also said the Cabinet decided to set the ceiling price of chicken eggs at 45sen per egg for Grade A, 43sen for Grade B and 31sen for Grade C, all up by 2sen each, in Peninsular Malaysia.

"The ceiling price for standard chicken and eggs will be enforced beginning July 1," said Kiang in a statement yesterday.

The new price is until Aug 31.

The ceiling price for standard chicken was previously set at RM8.90 per kg in the peninsula, and was slated to be removed on July 1.

**"The government is trying its best to set a price control mechanism to ensure Keluarga Malaysia isn't burdened by the challenges of the cost of living."**

Datuk Seri Dr Ronald Kiang

Kiang said the decision was taken after taking into account the Bantuan Keluarga Malaysia (BKM) announced by Prime Minister Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob, where a cash aid up to RM500 will be given to eligible B40 and M40 groups.

According to Kiang, 8.6 million BKM recipients have been approved so far and they are slated to receive up to RM2,600 in aid this year alone.

"This is the biggest aid given by

any government," he added.

Kiang also said Putrajaya allocated RM369.5ml for this cash aid, amounting its total subsidies to RM1.1bil since Feb 5 this year.

"The increase in prices for essential items is an issue that is taking place in Malaysia, but it is a global phenomenon due to the supply chain disruption triggered by geopolitical conflict and climate change.

"Nevertheless, the government is trying its best to set a price control

mechanism to ensure Keluarga Malaysia isn't burdened by the challenges of the cost of living," added Kiang.

Last Friday, Prime Minister Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob announced that the current water and electricity tariff rates for domestic users in Peninsular Malaysia will be maintained and subsidies worth RM5.8bil will be borne by the government.

Ismail Sabri said this means a rebate of 2sen/kWh is maintained for all domestic consumers with no surcharge.

The imposition of a surcharge of 3.7sen/kWh is maintained on commercial and industrial consumers.

Meanwhile, in a separate statement yesterday, Ismail Sabri announced the formation of a special team dubbed as "Jihad Tangani Inflasi" (Battle against inflation).

The special team will collect information from ministries, agencies and the public, to draft a strategy and coordinate efforts in addressing issues concerning inflation.

The Prime Minister also said the

special team, led by Communications and Multimedia Minister Tan Sri Annuar Musa, will coordinate efforts to control the rise in prices more efficiently and effectively.

The special team will meet twice a week - on Monday and Thursday - with a press conference held after every meeting.

The *Jihad Tangani Inflasi* special team will include Finance Minister Tengku Datuk Seri Zafrul Tengku Abdul Aziz, Kiang, Domestic Trade and Consumer Affairs Minister Datuk Seri Alexander Nanta Linggi, Minister in the Prime Minister's Department (Economy) Datuk Seri Mustapa Mohamed and Chief Secretary to the Government Tan Sri Mohd Zuki Ali.

Ismail Sabri also said officers from each ministry would be appointed to respond instantly to the Special Team.

"The government is always working towards ensuring Keluarga Malaysia isn't seriously affected by rising inflation across the world," he said.

## Consumers: 50sen rise will have big impact on expenses

By VENESA DEVI  
venesa@thestar.com.my

**JOHOR BARU:** Despite an increase of only 50sen, the new ceiling price for standard chicken at RM9.40 per kg effective tomorrow will have a big impact on the lives of many households, say consumers here.

They said they were already struggling to cope with the current ceiling price of chicken of RM8.90 per kg.

Businesswoman Chua Kim Fong, 45, said she would have to further cut down her family's consumption of chicken with the increase in the ceiling price.

"I do not know how we are going to cope if this continues. The price of chicken is already very expensive now," she said.

"The increase to RM9.40 per kg will have a huge impact on consumers, especially those from the lower income bracket.

"I have reduced the consumption of chicken in my house with the current price, with the new ceiling price effective tomorrow, I have to reduce more," she said.

Chua is hoping the government will consider maintaining the cur-

rent ceiling price of chicken at RM8.90 per kg for the benefit of the public.

Salon employee and part-time makeup artist Abdul Hakim Azmi, 27, said the Bantuan Keluarga Malaysia (BKM) aid was not enough to help consumers cope with the increase in the price of chicken and other essentials.

"The money from BKM will not last long, but the increase in the price of chicken will most likely continue for a long period.

"It is getting increasingly difficult for me to cope and I have started cooking canned food now to reduce costs," he said.

Besides chicken, Abdul Hakim said he also had to reduce the consumption of seafood and certain vegetables due to price hike in the last few months.

Meanwhile, Johor Indian Muslim Entrepreneur Association (Perusim) secretary Hussein Ibrahim said with the increase in the ceiling price of standard chicken, restaurants would have no choice but to increase the price of their chicken dishes.

"We have been trying very hard



**Soaring prices:** The new ceiling price for standard chicken and eggs is set to be enforced tomorrow. — ONG SOON HIN / The Star

not to increase the price of our meals as we know that our customers will not be happy.

"It has put us in a very difficult position as we do not want to upset our customers but at the same time, we also cannot continue absorbing the extra cost," he said.

Hussein urged the government, particularly, the Domestic Trade

and Consumer Affairs Ministry, to increase monitoring the price of essentials.

"There will be parties taking advantage of the situation to further increase the price of essential items.

"Constant monitoring from the ministry is crucial to help the people cope with the rising cost of liv-

ing," he said.

Earlier, Agriculture and Food Industries Minister Datuk Seri Dr Ronald Kiang said that the new ceiling price of standard chicken had been set at RM9.40 per kg.

He also said the Cabinet decided that the retail price of Grade A eggs would be set at 45sen each; Grade B 43sen and Grade C 41sen.

## Many relieved with government's move to control chicken price

By IMRAN HILMI  
imran@thestar.com.my

**GEORGE TOWN:** Although it wasn't something they had hoped for, many families still consider the new ceiling price for standard chicken at RM9.40 per kg as a positive move to cushion the impact of inflation.

Newspaper deliveryman M. Mohana Sundaram said although the new chicken price is too high for him, he feels it is a timely move by the government not to float the price.

"The new ceiling price for standard chicken for me is expensive but I accept it because had the government decided not to control it, it would have been pricier," he said.

The 52-year-old father of three said he hoped that the government would find a new solution to lower the price of chicken soon.

Housewife Jamaliah Nasir, 47, said she is grateful that the government decided to control the price of chicken but hopes it can be made cheaper in the future.

"It is still costly but at least it didn't go up until RM13 per kg like

what was speculated earlier," she said.

She said considering that the price of many basic items had increased lately, the new chicken ceiling price has allowed consumers to cushion the high cost of living.

In a statement on Wednesday, Agriculture and Food Industries Minister Datuk Seri Dr Ronald Kiang said the government decided to set the new ceiling price of standard chicken at RM9.40 per kg in Peninsular Malaysia.

The Cabinet also decided that the retail price of Grade A eggs will be

set at 45sen each; Grade B (43sen) and Grade C (41sen).

Chicken breeder Muhammad Sufi Jamil, 32, said the government should regulate the price of chicken feed so that the middlemen would not manipulate the pricing.

"I still feel it is best if government allows market forces to determine the price of chicken feed based on supply and demand," he said.

He said it was important for the government to stabilise the market of raw materials used to produce chicken feed which contributes directly to the price of chicken.

Meanwhile, Consumers Association of Penang (CAP) president Mohideen Abdul Kader said the Federal Government must find a new mechanism to control the price of chicken and other livestock products.

"Increase enforcement to monitor traders and warn them not to increase the prices of their food items," he said.

He said there should be no sudden increase of food prices especially at restaurants, food stalls and school canteens after the new ceiling price of chicken takes effect tomorrow.



TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
30/6/2022	BERITA HARIAN	ONLINE	

## Kuarantin lembu Thailand 3 hari saja



Agensi kerajaan melonggarkan syarat membawa masuk lembu dari Thailand. - Foto NSTP/MOHD AMIN JALIL

KUALA LUMPUR: Tempoh kuarantin bagi mengimport lembu hidup dari Thailand untuk tujuan penyembelihan, disingkatkan kepada tiga hari berbanding dua minggu sebelum ini.

Jabatan Perkhidmatan Veterinar (DVS) berkata, ini bagi memudahkan prosedur teknikal kemasukan ternakan itu

dari Thailand, ke negara ini.

"Satu perbincangan teknikal khas antara DVS dan Department of Livestock Development Thailand (DLD) diadakan pada Jumaat lalu, bertujuan memudah cara prosedur teknikal pengimportan lembu hidup dari Thailand untuk tujuan penyembelihan.

"Ini termasuk tempoh kuarantin di Malaysia disingkatkan kepada tiga hari," katanya di sini.

Sebelum ini, kerajaan memberikan semula kebenaran bagi mengimport lembu hidup daripada Thailand.

Susulan itu, DVS dan DLD mencapai persetujuan protokol import lembu hidup pada Mac 2022.

Pada masa sama menurut DVS, persetujuan bersama dicapai dengan menambah baik prosedur teknikal pengimportan lembu hidup dari Thailand sebagai penyediaan pilihan dalam perakuan bebas penyakit sumber import, bagi memudah cara pengimportan lembu hidup dari negara itu untuk memenuhi keperluan bekalan penyembelihan ibadah korban di Malaysia.

"Pengimport dan penternak dinasihatkan supaya mematuhi syarat kesihatan veterinar yang dipersetujui berasaskan prosedur teknikal yang dimudah cara itu.

"Semua pihak yang terbabit dinasihatkan mendapatkan surat pemindahan ternakan di antara negeri untuk tujuan pemantauan, serta permit penyembelihan luar untuk tujuan penyembelihan korban di luar rumah sembelih," katanya.

Menurut DVS, dokumen berkenaan boleh dipohon daripada pejabat perkhidmatan veterinar negeri atau daerah terdekat.

Katanya, tindakan ini penting bagi membolehkan pegawai perkhidmatan veterinar di negeri atau daerah menjalankan pemantauan dan pemeriksaan veterinar dalam memastikan ternakan yang akan dijadikan sebagai korban bebas jangkitan penyakit dan karkas atau daging korban yang diedarkan selamat untuk dimakan.



Kuarantin lembu dari Thailand disingkatkan kepada tiga hari saja. - Foto hiasan NSTP/MOHD KHIDIR ZAKARIA

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
30/6/2022	UTUSAN MALAYSIA	ONLINE	

## Tempoh kuarantin lembu hidup Thailand disingkatkan tiga hari



(DLD).

PUTRAJAYA: Kerajaan mula memudahkan urusan pengimportan [lembu](#) hidup dari Thailand sebagai memenuhi keperluan tinggi bekalan penyembelihan bagi ibadah korban di Malaysia.

Menurut kenyataan Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV), langkah itu susulan persetujuan bersama yang dicapai dengan Jabatan Pembangunan Ternakan Thailand

“Ini termasuk tempoh kuarantin di Malaysia disingkatkan kepada hanya tiga hari,” katanya yang merujuk prosedur teknikal ditambah baik dengan pihak agensi negara jiran berkenaan.

*Utusan Malaysia* semalam melaporkan kebimbangan Persatuan Penternak Ruminan Perlis mengenai isu kekurangan bekalan lembu dari Thailand kerana protokol JPV yang terlalu ketat.

Kedadaan ini mengakibatkan pengeksport enggan membawa lembu masuk ke negeri tersebut ekoran tempoh kuarantin minimum selama 14 hari dianggap cukup mustahil dapat dipenuhi.

JPV mula memansuhkan larangan import lembu Thailand pada 15 Mac lalu setelah dikenakan sejak 7 Jun 2021 susulan penularan penyakit kental kulit serta kuku dan mulut di negara itu.

Kelonggaran ini membolehkan umat Islam di Malaysia ada pilihan ruminan dari Thailand yang lebih murah berbanding Australia untuk aktiviti ibadah korban Aidiladha pada bulan depan.

Mengulas lanjut, JPV berkata, satu perbincangan teknikal khas dengan DLD diadakan pada 24 Jun lalu bagi memudahcara prosedur pengimportan lembu hidup untuk penyembelihan.

“Persetujuan dicapai ini memberi penyediaan pilihan dalam perakuan bebas penyakit sumber import bagi keperluan bekalan bersempena perayaan Aidiladha kelak,” jelas kenyataan itu.

Bagaimanapun, pengimport dan penternak domestik dinasihatkan agar mematuhi syarat kesihatan veterinar dipersetujui berasaskan kepada prosedur teknikal yang sudah dimudah cara.

Pihak terlibat ujanya, diminta mendapatkan surat pemindahan ternakan antara negeri untuk tujuan pemantauan dan permit penyembelihan luar jika dibuat di luar premis rumah sembelih.

Dokumen tersebut boleh dimohon daripada pejabat JPV negeri atau daerah berdekatan supaya pegawai veterinar terlibat dapat melakukan pemeriksaan rutin ke atas ruminan diimport.

Langkah berkenaan juga akan memastikan ternakan yang dijadikan korban itu sifar jangkitan penyakit manakala daging diedarkan pula adalah selamat untuk dimakan oleh masyarakat.

Kementerian Pertanian dan Industri Makanan menganggarkan sejumlah 12,000 ekor lembu dan kerbau Thailand dapat dibawa masuk bagi menampung keperluan ibadah korban kali ini.



Ruminan negara itu menjadi pilihan popular kerana harganya lebih kurang sama dengan lembu tempatan iaitu RM3,800 hingga RM5,700 seekor dengan berat 200 hingga 300 kilogram

Setakat ini, JPV mengesahkan ternakan dari Thailand masih bebas daripada penyakit tertentu antaranya Contagious Bovine Pleuropneumonia dan Bovine Spongiform Encephalopathy. – UTUSAN

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
30/6/2022	SINAR HARIAN	ONLINE	

## Import lembu hidup: Malaysia-Thailand capai persetujuan



Malaysia dan Thailand mencapai persetujuan bersama bagi memudah cara pengimportan lembu hidup untuk memenuhi keperluan bekalan penyembelihan ibadah korban di negara ini. - Foto 123RF

PUTRAJAYA - Malaysia dan Thailand mencapai persetujuan bersama bagi memudah cara pengimportan lembu hidup untuk memenuhi keperluan bekalan penyembelihan ibadah korban di negara ini.

Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV) menerusi kenyataannya pada Selasa memaklumkan, langkah itu dicapai dengan menambah baik prosedur teknikal pengimportan.

"Ini termasuk tempoh kuarantin di Malaysia disingkatkan kepada tiga hari," katanya.

Menurut jabatan itu, pengimport dan penternak dinasihatkan agar mematuhi syarat kesihatan veterinar yang dipersetujui berasaskan prosedur teknikal yang dimudah cara tersebut.

"Semua pihak terlibat dinasihatkan mendapatkan surat pemindahan ternakan antara negeri untuk tujuan pemantauan serta permit penyembelihan luar untuk tujuan penyembelihan qurban di luar rumah sembelih," katanya.

Ujar JPV, dokumen berkenaan boleh dipohon dari pejabat perkhidmatan veterinar negeri atau daerah terdekat.

"Tindakan ini penting bagi membolehkan pegawai perkhidmatan veterinar menjalankan pemantauan dan pemeriksaan dalam memastikan ternakan qurban bebas jangkitan penyakit dan karkas atau daging yang diedarkan adalah selamat untuk dimakan," katanya.

Sebelum ini, JPV menggantung import lembu dan kerbau dari Thailand berkuat kuasa 7 Jun 2021 selepas menilai risiko penularan penyakit Lumpy Skin Disease (LSD) yang dilaporkan di lebih 41 wilayah di Thailand.

Pada tahun lalu, Malaysia mengimport sebanyak 12,405 ekor lembu dari Thailand sempena sambutan Aidiladha berbanding 12,553 ekor pada tahun 2020.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
30/6/2022	ASTRO AWANI	ONLINE	

## Prosedur teknikal import lembu hidup dari Thailand ditambah baik



*Semua pihak terlibat perlu dapatkan surat pemindahan ternakan antara negeri bagi tujuan pemantauan, serta permit penyembelihan luar untuk tujuan penyembelihan korban di luar rumah sembelih. - Gambar hiasan*

**KUALA LUMPUR:** Jabatan Perkhidmatan Veterinar Malaysia dan Department of Livestock Development Thailand (DLD) bersetuju menambah baik prosedur teknikal pengimportan lembu hidup dari negara jiran itu bagi memenuhi keperluan bekalan penyembelihan

ibadah korban di Malaysia.

Jabatan itu dalam kenyataannya memaklumkan persetujuan bersama itu akan memudah cara pengimportan lembu hidup dari Thailand seperti menyediakan pilihan dalam perakuan bebas penyakit sumber import, termasuk menyingkatkan tempoh kuarantin di Malaysia kepada tiga hari.

"Pihak pengimport dan penternak dinasihatkan agar mematuhi syarat kesihatan veterinar yang dipersetujui berasaskan prosedur teknikal yang dimudah cara tersebut," menurut kenyataan itu.



TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
30/6/2022	SELANGOR KINI	ONLINE	

## Tatacara teknikal import lembu dari Thailand ditambah baik



KUALA LUMPUR, 28 JUN: Jabatan Perkhidmatan Veterinar Malaysia dan Department of Livestock Development Thailand (DLD) bersetuju menambah baik tatacara teknikal pengimportan lembu hidup dari negara jiran itu bagi memenuhi keperluan bekalan penyembelihan ibadah korban di Malaysia.

Jabatan itu dalam kenyataan hari ini memaklumkan persetujuan bersama itu akan memudah cara pengimportan

lembu hidup dari Thailand seperti menyediakan pilihan dalam perakuan bebas penyakit sumber import, termasuk menyingkatkan tempoh kuarantin di Malaysia kepada tiga hari.

“Pihak pengimport dan penternak dinasihatkan agar mematuhi syarat kesihatan veterinar yang dipersetujui berasaskan tatacara teknikal yang dimudah cara tersebut,” menurut kenyataan itu.

Jabatan itu menasihatkan semua pihak terlibat untuk mendapatkan surat pemindahan ternakan antara negeri bagi tujuan pemantauan, serta permit penyembelihan luar untuk tujuan penyembelihan korban di luar rumah sembelih. Dokumen itu boleh dipohon di pejabat perkhidmatan veterinar negeri atau daerah terdekat.

Tindakan itu bagi membolehkan pegawai perkhidmatan veterinar di negeri atau daerah menjalankan pemantauan dan pemeriksaan veterinar dalam memastikan ternakan yang akan dijadikan korban bebas jangkitan penyakit dan karkas atau daging korban yang diedarkan selamat untuk dimakan.

Pada Mac lepas, Jabatan Perkhidmatan Veterinar Malaysia dan DLD telah mencapai persetujuan protokol import lembu hidup susulan kebenaran semula pengimportan lembu hidup daripada Thailand.

-BERNAMA

# Ladang ayam digantung operasi

Masalah pertukaran pengurusan dipercayai jadi punca kejadian berulang

Oleh **NORAFIDAH ASSAN**  
**JELEBU**

**J**abatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Sembilan (JPVNS) sudah menggantung lesen operasi sebuah ladang ayam berhampiran kawasan kediaman penduduk di Blok 5 dan 6, peringkat tiga, Felda Titi di sini berhubung isu gangguan lalat.

Exco Pertanian dan Industri Asas Tani Negeri Sembilan, Datuk Bakri Sawir berkata, mereka hanya boleh beroperasi semula sekiranya isu berkenaan benar-benar diatasi sepenuhnya.

"JPVNS sudah menggantung lesen operasi ladang ayam berkenaan pada 22 April lalu sebaik aduan diterima.

"Penggantungan operasi itu bagi membolehkan syarikat yang menguruskan ladang ayam berkenaan mengatasi masalah lalat tersebut," katanya

kepada *Sinar Harian*.

Dalam pada itu, mengulas mengenai cadangan supaya ladang ayam berkenaan dipindahkan, Bakri berkata, penyelesaian secara holistik perlu dilakukan.

"Kita kena tengok *holistically* punya penyelesaian sebab kebenaran (operasi) dibenarkan oleh kerajaan terdahulu dan kita perlu melihat beberapa perkara.

"Sebab kalau operasinya dibuat secara baik seperti apa yang telah kita sarankan tidak ada masalah. Tambahan pula selepas kejadian pertama pada tahun 2019 dan dua tahun operasi ladang itu berjalan dengan baik.

"Namun ia berlaku semula April lepas selepas berlaku pertukaran pengurusan, ini ber-

makna penyelesaian bukannya tidak boleh dilakukan tetapi disebabkan pengurusan *leaking*," jelasnya.

*Sinar Harian* pada Rabu melaporkan penduduk di Blok 5 dan 6, peringkat tiga, Felda Titi di sini 'diserang' lalat pada April lepas iaitu ketika umat Islam melaksanakan ibadah puasa di bulan Ramadan.

Kejadian itu dikatakan yang kedua berlaku selepas tahun 2019 malah kali ini turut menjejaskan persiapan sambutan Hari Raya Aidilfitri selain rutin harian.

Sementara itu, Jawatan-

kuasa Kemajuan dan Keselamatan Rancangan (JKKR) Felda Titi pula mencadangkan supaya ladang ayam berkenaan dipindahkan ke lokasi lain yang lebih sesuai seterusnya dapat menjalankan operasinya dengan lebih baik.



Laporan *Sinar Harian* pada Rabu.



30/6/2022

UTUSAN  
MALAYSIADALAM  
NEGERI

29



SEBAHAGIAN bot nelayan di Pantai Penanjung, Kijal, Kemaman, Terengganu. - UTUSAN/MIK NUR IZZATUL HAZWANI NIK ADNAN

# Nelayan rayu bina benteng pemecah ombak

Oleh MIK NUR IZZATUL HAZWANI NIK ADNAN  
utusannews@mediamulla.com.my

**KEMAMAN:** Kira-kira 100 nelayan di Pantai Penanjung, Kijal di sini merayu pihak kerajaan segera membina benteng pemecah ombak dan menyelesaikan masalah muara cetek yang berlarutan lebih 10 tahun lalu.

Nelayan mendakwa, masalah yang dihadapi itu bukan sahaja menyebabkan muara cetek, tapi mereka rosak terlanggar beting pasir ketika berlabuh, malah, turut menyebabkan bot terbalik terlanggar beting pasir, ketika memasuki muara sungai.

Lebih buruk lagi ketika berlaku persembungan air pasang dan kepala air selepas hujan lebat menyebabkan bot yang berlabuh di muara paitrai itu sering

tenggelam.

Dalam kejadian terbaharu Sabtu lalu, sebanyak 16 buah bot tenggelam dan rosak manakala sebuah bot hilang ekoran kejadian tersebut.

Salah seorang nelayan, Ismail Mohamad, 64, berkata, dia turut kerugian kira-kira RM4,000 selepas botnya pecah dan enjin rosak ditenggelami air pada Sabtu lalu.

"Kami bukan sahaja berdepan masalah muara cetek, tapi tempat kami berlabuh berisiko tinggi kerana setiap kali ada kepala air dan persembungan air pasang, memang bot ditenggelami air."

"Sekarang, saya tidak dapat turun laut sementara menunggu bot siap dibaiki," katanya ketika ditemui di sini, semalam.

Seorang lagi nelayan, Shafie Puteh, 61, berkata, masa turun ke laut terhad berikutnya mereka

terpaksa bergantung kepada pasang surut air laut.

"Kami perlu turun dan balik dari laut ketika air pasang. Kadang kala, belum sempat empat jam dan tidak dapat hasil laut bimbang air surut."

"Adakalanya, sampai 10 hari saya tidak turun ke laut sebab air pasang awal pagi," katanya yang berharap pihak kerajaan memandang serius isu tersebut.

Sementara itu, Pengerusi Peraturan Nelayan Kijal, Yusof Mohamad berkata, pembinaan benteng pemecah ombak penting bagi membolehkan bot nelayan berlabuh dengan selamat.

"Kita telah menubuh beberapa kali perimobonan sebelum ini, namun, sehingga kini masih belum ada apa-apa tindakan daripada pihak berwajib," katanya.



<b>TARIKH</b>	<b>MEDIA</b>	<b>RUANGAN</b>	<b>MUKA SURAT</b>
30/6/2022	UTUSAN MALAYSIA	DALAM NEGERI	5

# Nelayan perlu keluar kepompong

Oleh MAISARAH SHEIKH RAHIM  
maisarah.rahim@mediamulla.com.my

**PUTRAJAYA:** Para nelayan di seluruh negara perlu berusaha sendiri untuk keluar daripada kepompong dan cengkaman orang tengah jika mahu menikmati kehidupan yang lebih baik.

Bercakap kepada *Utusan Malaysia*, Pengerusi Persatuan Nelayan Kebangsaan (Nekmat), Abdul Hamid Bahari berkata, ia adalah pilihan para nelayan sendiri jika tidak mahu terikat dengan kartel dalam industri ikan yang memang telah wujud sekian lama.

"Meraka boleh membuat pinjaman dengan Agro Bank yang disediakan kerajaan melalui peruntukan besar sekali gus tidak perlu lagi berhubung dengan kartel," katanya semalam.

Menurutnya, hampir 80 peratus nelayan pantai sudah keluar daripada kepompong kesusahan dengan membuat pemasaran sendiri selain dibantu kerajaan dengan peruntukan subsidi.

Katanya, kehidupan beribu-ribu nelayan pantai khususnya sudah banyak berubah selepas kerajaan membangunkan lebih 140 Kompleks LKIM di seluruh negara bertujuan memberi peluang kepada nelayan untuk menjual sendiri hasil tangkapan mereka.



**NELAYAN** digalak menjual terus tangkapan ikan mereka kepada orang ramai bagi mengelak orang tengah.

Abdul Hamid berkata, di kompleks LKIM itu, isteri para nelayan boleh menjual sendiri hasil tangkapan suami mereka secara terus kepada pengguna tanpa melalui orang tengah.

"Memang diakui ada Kompleks LKIM yang tidak berfungsi seperti di Kuala Perlis, Kuantan, Kuala Kedah dan Kuala Selangor kerana ada antaranya tempat tidak strategik tidak sesuai dengan pendaratan bot, tapi kita akan

corakkan semula strategi itu dan pilihkan supaya ia lebih berkesan selepas ini," katanya di sini semalam.

*Utusan Malaysia* melaporkan kebanyakan nelayan-nelayan di negara ini bergantung kepada tauke-tauke besar yang menjadi peraih atau orang tengah untuk menjual hasil laut yang diperolehi. Malah, kebanyakan nelayan khususnya di negeri ini menggunakan bot milik tauke-tauke ikan

nyebabkan industri perikanan lumpuh seketika.

Katanya, negara bergantung kepada 35,000 nelayan asing untuk menggerakkan bot-bot besar ini yang merupakan sumber utama membuat stok bekalan ikan dalam jumlah banyak.

Bagaimanapun, katanya, keadaan itu dijangka pulih selepas ini apabila negara sudah beralih ke era endemik apatah lagi jaminan daripada pihak Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) untuk membuat 1,000 tan metrik ikan sebagai stok penimbal dalam tindakan segera.

"Nekmat akan menyahut cabaran sekiranya diberi peranan oleh LKIM untuk membuat simpanan stok. Kita akan bantu apa jua cara bagi meningkatkan taraf ekonomi nelayan sekali gus dapat menstabilkan harga ikan dan memberi pilihan lebih baik kepada pengguna," katanya.

Berhubung soal kesukaran memperoleh lesen, beliau berkata, Jabatan Perikanan tidak sewenang-wenangnya mengeluar-kan lesen kepada sesiapa sahaja, sebaliknya melihat mereka yang benar-benar terlibat dalam industri layak mendapatkannya.

Katanya, ini bagi mengelak ada pihak yang menyalahgunakan lesen tersebut atau menjualnya kepada pihak lain sedangkan dia sendiri tidak turun ke laut.



TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
30/6/2022	UTUSAN MALAYSIA	DALAM NEGERI	30

Durian premium kampung terbaik Jerantut, sepokok berbuah hingga 400 biji semusim

# Isi Mas Hijau seperti aiskrim

Oleh HARISS FADILAH AHMAD  
 utusannews@mediamulla.com.my

**JERANTUT:** Tuah ayam nampak di kaki, tuah manusia siapa yang tahu. Begitulah kegembiraan seorang pekebun, Mohd. Sabri Majid, 50, apabila durian Mas Hijau miliknya mendapat perhatian ramai pelanggan di Kampung Damak, di sini.

Detik hatinya menanam biji durian itu selepas menikmati isinya 30 tahun lalu membawa tuah apabila buah berkenaan menjadi durian kampung premium (DKP) terbaik di Pahang, dua tahun lalu.

Durian itu dikenali dengan nama Mas Hijau kerana warna isinya yang kekuningan emas dan kulit berwarna hijau mendapat tempat pertama Pertandingan DKP 2020.

Kemudian Mas Hijau adalah mempunyai aroma dan rasa lemak manis, sedikit pahit dengan tekstur isi halus bagaikan aiskrim sehingga menjadi rebutan penggemar raja buah dan pelanggan di sekitar Kampung Damak dan bandar ini.

Namun hanya sebatang pokok Mas Hijau yang ada di kebunnya dan setiap musim,



**MOHD. SABRI MAJID (kanan) menunjukkan isi Mas Hijau kepada pelanggan di pusat pengumpulan hasil Kampung Damak, Jerantut, Pahang. - UTUSAN/HARIS FADILAH AHMAD**

tanaman itu berbuah antara 350 hingga 400 biji. Bercakap kepada *Utusan Malaysia*, Mohd. Sabri berkata, jualan RM40 sekilogram.

"Permulaannya, saya cuma menanam biji benih spesies itu 30 tahun lalu secara suka-suka selepas saya makan durian kam-

pung diberi seorang rakan dan tertarik dengan ulasnya kekuningan serta isinya sedap.

"Pokok ini mula berbuah lebat sejak 15 tahun lalu dan ia terus mendapat perhatian. Siapa sahaja yang pernah makan durian ini pastinya mahukannya lagi," katanya di sini semalam.

Menurutnya, sejak beberapa musim menikmati isi buah itu, dia dan keluarganya mendapati rasanya tidak berubah, iaitu mempunyai kombinasi rasa manis, berlemak dan sedikit pahit.

Tambahnya, isinya yang lembut dan halus dengan warna kekuningan emas pastinya menarik minat sesiapa sahaja khususnya penggemar raja buah itu.

"Saya bersyukur dengan rezeki ini dan tidak menyangka cuma sebiji benih yang ditanam menghasilkan buah bermutu tinggi malah pasaran cukup berbaloi apabila hasil jualan mencecah RM3,000 musim ini," katanya.

Katanya, durian Mas Hijau mula dikenali ramai setelah memenangi pertandingan kategori DPK peringkat daerah anjuran Jabatan Pertanian dua tahun lalu dan kejayaan itu turut mendapat liputan akhbar.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
30/6/2022	KOSMO	NEGARA	10

# Perkukuh ekosistem bekalan elak krisis

**KENAIKAN** harga barangan yang terus mencanak sejak akhir-akhir ini ternyata telah memberi impak yang besar kepada rakyat.

Golongan berpendapatan rendah atau B40 pasti terkesan dengan situasi ini.

Malah, baru-baru ini, sahabat penulis meluahkan bahawa dia rasa terbeban dengan kenaikan harga barangan sehingga tidak boleh menyimpan wang untuk tujuan kecemasan.

Menurutnya, kebanyakan harga barangan terutamanya makanan naik dengan agak mendadak.

"Saya bagi contoh mudah, harga sepinggan nasi goreng kampung kini sudah berharga RM7 berbanding dahulu sekitar RM5. Malah, harga bahan mentah lain seperti ikan, ayam dan lain-lain semuanya meningkat.

"Tidak mustahil harga makanan akan dinaikkan lagi memandangkan akan ada penetapan harga siling ayam yang baharu dan bermula esok, subsidi minyak berbotol dan telur akan dimansuhkan," katanya.

Tambahnya, dia percaya ada peniaga akan cuba menaikkan lagi harga bagi mengurangkan kerugian mereka dan pengguna akhir yang menerima kesan kenaikan itu.

Secara realitinya, kita semua kini sedang berhadapan dengan krisis makanan sehingga me-



## Analisis Semasa

Bersama  
**FARID AHMAD TARMJI**

nyebabkan harga barangan meningkat dengan mendadak.

Felo Kanan Laboratori Kajian Dasar Pertanian dan Makanan, Universiti Putra Malaysia (UPM), Prof. Dr. Fatimah Mohamed Arshad berkata, jika dilihat daripada faktor dalaman, Malaysia sebenarnya tidak mengeluarkan makanan yang mencukupi untuk membendung inflasi dan kejutan krisis makanan yang runcing ini.

Menurutnya, Malaysia sebagai negara pengimport bersih makanan menerima tempias yang hebat kerana masalah itu.

"Jika dilihat pada tahun 2020, negara mengimport 90 peratus keperluan daging kambing dan lembu, 79 peratus sayur-sayuran, 37 peratus beras dan 22 peratus buah-buahan.

"Keperluan ini merupakan makanan utama rakyat Malaysia," jelasnya.

Tambahnya, jika dihitung harga barangan meningkat lebih tinggi daripada paras 'normal' iaitu paras harga sebelum pandemik.

Dalam pada itu, Fatimah

berkata, untuk jangka masa panjang sudah sampai masanya untuk Malaysia mengubah arah dan fokus kepada Polisi Makanan Diutamakan atau *Food First Policy*.

Melalui polisi ini, pembangunan kapasiti pengeluaran makanan harus dikukuhkan.

"Kita karus memperkukuhkan ekosistem pengeluaran daripada semua sudut iaitu institusi, teknologi, pengeluaran, pemasaran, hiliran dan pemerkasaan pengeluaran kecil dan lain-lain.

"Penyelidikan dan pembangunan negara dalam makanan perlu diberikan peruntukan besar untuk menjanakan inovasi seperti tanaman yang berhasil tinggi dan berdaya tahan dan penghasilan alat dan mesin serta kilang untuk pekebun kecil," katanya.

Tambahnya, agensi kerajaan juga harus menyalurkan dana untuk pendayaupayaan petani dan tidak lagi mengayak subsidi-ari perniagaan.

Malah, subsidiari perniagaan agensi pertanian kerajaan perlu dihapuskan dan bilangan agensi dikesilkan supaya peruntukan pembangunan lebih besar daripada operasi.

Selain itu, sebarang monopoli atau pemusatan agihan input dan makanan perlu dihapuskan kecuali di bawah situasi runcing, bagi tujuan persaingan, pertumbuhan dan kesetaraan.



TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
30/6/2022	HARIAN METRO	NEGERI TERENGGANU	25

## Penternak ruminan terima insentif RM100

**KUALA TERENGGANU** - Kerajaan Terengganu menyalurkan insentif sebanyak RM100 kepada kira-kira 1,000 penternak ruminan tradisional dan berskala kecil di negeri itu sempena sambutan Hari Raya Aidiladha yang akan diraikan tidak lama lagi.

Exco Pertanian, Industri Makanan, Perladangan, Komoditi dan Pembangunan Luar Bandar Negeri Terengganu, Dr Azman Ibrahim berkata, langkah itu sebagai usaha meringankan beban akibat kenaikan harga makanan ternakan serta keprihatinan terhadap isu kutipan fi kebenaran atau permit sembelih luar daripada rumah sembelihan.



**AZMAN**

“Kerajaan prihatin berhubung rungutan yang disuarakan penternak termasuk isu berkaitan kutipan fi prosedur permohonan pindah atau sembelihan luar daripada rumah sembelih yang dikenakan Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Terengganu untuk ternakan bagi tujuan korban atau akikah.

“Prosedur ini ditetapkan bagi memastikan haiwan berkecuaan bebas daripada sebarang penyakit serta menjamin keselamatan daging sembelihan.

“Jadi, pemberian insentif kepada penternak ruminan tradisional dan berskala kecil ini bagi meringankan bebanan mereka selain sebagai tanda penghargaan,” katanya dalam kenyataan pada Selasa:

# Kebun langgar syarat peliharaan haiwan ternakan



Pusat Komuniti Kebun-Kebun Bangsar turut memelihara haiwan ternakan menimbulkan ketidakelesen kepada penduduk

(Foto Rohanis Shukri/BH)

**Kuala Lumpur:** Pejabat Pengarah Tanah dan Galian (PTG) Wilayah Persekutuan mendapati berlaku pelanggaran syarat Lesen Pendudukan Sementara bagi maksud nurseri di Pusat Komuniti Kebun-Kebun Bangsar, di sini.

Pengarahnya, Datuk Muhamamad Yasir Yahya, berkata satu jabatan itu mendapati kebun terbabit memelihara pelbagai binatang ternakan seperti ayam, itik dan biri-biri, sekaligus menimbulkan isu membabitkan pencemaran bau, lalat serta gangguan bunyi yang menjadi punca utama tindakan penguatkuasaan.

Beliau berkata, atas dasar itu, jabatan berkenaan mengeluarkan notis pemberitahuan bagi mengosongkan tapak itu.

"Pejabat kami juga menerima aduan kacau gangu daripada penduduk setempat secara ber-

tulis dan lisan yang berpunca daripada kebun berkenaan.

"Tindakan penguatkuasaan diambil selepas siasatan mendapati kebun terbabit memelihara pelbagai binatang ternakan yang menimbulkan isu pencemaran," katanya melalui kenyataan, di sini.

Beliau berkata demikian bagi menjelaskan mengenai notis pemberitahuan bagi pengosongan tapak terbabit yang tular di media sosial.

Pada masa sama, Muhammad Yasir berkata, syarat bagi nurseri yang diluluskan termasuk jenis tanaman dan juga tiada struktur kekal dibenarkan di bawah talian rentis seperti ulsan teknikal daripada Tenaga Nasional Berhad (TNB).

Beliau berkata, pejabat itu sentiasa menyokong usaha ke arah kebun bandar selaras hasrat kerajaan dan Kementerian.

Namun, katanya, pematuhan kepada syarat Lesen Pendudukan Sementara perlu dipatuhi bagi kebaikan semua pihak.

Sebelum ini, konsep pertamuan dibangunkan Pusat Komuniti Kebun-Kebun Bangsar mendapat perhatian Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob yang tertarik dengan projek berkenaan.

Perdana Menteri melalui Twitternya pada awal bulan ini turut berharap projek komuniti seumpama itu dapat membantu menajayakan komitmen kerajaan terhadap agenda hijau pada semua peringkat untuk generasi masa depan Keluarga Malaysia.

"Saya tertarik dengan Projek Komuniti Kebun-Kebun Bangsar dan Kebun-Kebun Kerinchi di Kuala Lumpur yang diusahakan komuniti setempat menggunakan dana mereka sendiri," katanya di Twitter.



# Paras baharu harga siling ayam RM9.40 sekilogram

Mesyuarat Kabinet setuju teruskan subsidi, telur semua gred naik 2 sen esok

Oleh Muhammad Yusri Muzamir, Noor Atiqah Sulaiman dan Iwan Shafrihan Ismail  
bhnews@bh.com.my

**Putrajaya:** Paras baharu harga siling runcit ayam standard di seluruh Semenanjung ditetapkan pada RM9.40 sekilogram, berkuat kuasa Jumaat ini iaitu kenaikan 50 sen berbanding kadar semasa RM8.90, kata Menteri Pertanian dan Industri Makanan, Datuk Seri Dr Ronald Kian-dee.

Ronald berkata, selain itu Kabinet turut bersetuju menetapkan harga siling runcit telur ayam pada kadar 0.45 sen sebiji bagi Gred A; Gred B (0.43 sen/biji) dan Gred C (0.41 sen/biji), masing-masing dengan kenaikan 2 sen berbanding harga lama.

Mesyuarat hari ini, mengambil keputusan untuk tidak mengapungkan harga ayam, sebaliknya meneruskan subsidi dan menetapkan harga siling runcit ayam standard pada kadar RM9.40 sekilogram serta telur ayam di Semenanjung.

"Isu kenaikan harga barang tidak berlaku di Malaysia sahaja, sebaliknya ia adalah fenomena



Pentaga memotong ayam segar untuk pelanggannya di Pasar Awam Presint 8, Putrajaya, semalam. Harga siling baharu ayam ditetapkan RM9.40 mulai esok. (Foto BERNAMA)

global ekoran gangguan rantaian bekalan akibat konflik geopolitik dan perubahan iklim.

"Namun, kerajaan sedaya upaya berusaha menetapkan mekanisme pengawalan harga bagi memastikan Keluarga Malaysia tidak terbeban dengan cabaran kos sara hidup," katanya dalam kenyataan selepas mesyuarat Kabinet semalam.

Sebelum ini, Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob, mengumumkan berkuat kuasa 1 Julai ini, kerajaan tidak lagi akan memberikan subsidi kepada penternak ayam.

Susulan penamatan subsidi tersebut, peserta industri ternakan ayam dilaporkan berharap kerajaan mengapungkan harga ayam.

Sebelum ini kerajaan menetapkan harga siling runcit ayam

standard di Semenanjung pada RM8.90 sekilogram manakala ayam bulat super (disembelih dan dibersihkan tanpa kaki, kepala, hati dan hempedal) pada RM9.90 sekilogram.

Bagi telur ayam gred A, kerajaan menetapkan harga siling pada 0.43 sen sebiji, telur ayam gred B (0.41 sen/sebiji) dan Gred C (0.39 sen/sebiji)

Bagaimanapun, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPD-NHEP) mendapati ada dalam kalangan peniaga yang menjual ayam melebihi harga siling iaitu sekitar RM12 hingga RM13 sekilogram.

Dalam pada itu, Ronald berkata, penetapan harga baharu semalam diambil selepas mengambil kira dan diselaraskan dengan Bantuan Keluarga Mala-

ysia (BKM) yang diumumkan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob baru-baru ini.

"Ia termasuk inisiatif bantuan tunai serta bantuan tunai tambahan berjumlah sehingga RM500 kepada golongan B40 dan sebahagian daripada golongan M40.

"Seramai 8.6 juta penerima BKM sudah diluluskan dengan isi rumah bakal menerima sehingga RM2,600 tahun ini. Bantuan ini adalah tertinggi yang pernah diberikan oleh mana-mana kerajaan.

"Dengan pelaksanaan subsidi ini, kerajaan memperuntukkan sebanyak RM369.5 juta, menjadikan jumlah keseluruhan subsidi adalah sebanyak RM1.1 bilion sejak 5 Februari lalu," katanya.

Persatuan penternak setuju penetapan kadar baharu

**Kuala Lumpur:** Persekutuan Persatuan Penternak Malaysia (FLFAM) bersetuju dengan kadar baharu harga siling runcit ayam standard dan telur ayam yang ditetapkan kerajaan semalam.

Presidennya, Datuk Jeffrey Ng Choon Ngee, berkata ia selepas mempertimbangkan aspek kos sara hidup yang semakin meningkat, selain mahu rakyat berpeluang menikmati sumber makanan secara seimbang.

Namun, katanya, sukar untuk menentukan sama ada kadar baharu itu kompetitif atau sebaliknya, berikutan perincian mekanisme subsidi belum diperincikan.

"Kita memang setuju kalau kerajaan mahu kawal harga, tetapi jangan sehingga menjejaskan kos operasi yang perlu ditanggung penternak.

"Kita sudah okay sekiranya perincian mekanisme subsidi dapat menampung kos operasi penternak," katanya kepada *BH*, semalam.

Bellau mengulas keputusan Kabinet tidak mengapungkan harga ayam, sebaliknya meneruskan subsidi dan menetapkan harga siling runcit ayam standard pada kadar RM9.40 sekilogram, bagi Semenanjung.

Kerajaan juga menetapkan harga siling runcit telur ayam pada kadar 0.45 sen sebiji bagi gred A, manakala gred B (0.43 sen sebiji) dan gred C (0.41 sen sebiji) di Semenanjung.

Penetapan harga siling bagi ayam standard dan telur itu berkuat kuasa esok.

## Semua pihak kena akur, tak ambil kesempatan

**Kuala Lumpur:** Semua pihak yang berada dalam rantaian bekalan, diharap akur dan tidak lagi mengambil kesempatan susulan keputusan kerajaan menetapkan paras baharu harga siling runcit ayam standard pada kadar RM9.40 sekilogram bermula Jumaat ini.

Timbangan Setiausaha Agung Gabungan Persatuan-Persatuan Pengguna Malaysia (FOMCA), Nur Asyikin Aminuddin, berkata penetapan harga siling adalah lebih baik, berbanding cadangan pengapungan harga yang dikhuatiri boleh dimampulas pihak tertentu.

"Keputusan kerajaan ini dinilai-alukan kerana harga dite-

tapkan itu berpatutan, sekurang-kurangnya adanya paras siling, pihak terbabit dalam rantaian bekalan tidak mengambil kesempatan.

"Pihak pembekal jangan pula letak harga RM9.40, nanti berapa pula harga pada peringkat peniaga, kita tidak mahu mereka terpaksa jual lebih tinggi daripada harga siling hingga akhirnya nanti isu sama berulang," katanya kepada *BH* semalam.

Susulan penetapan paras siling baharu itu, Nur Asyikin



Nur Asyikin Aminuddin

berharap peniaga menghentikan perubahan mengenakan caj tidak masuk akal termasuk pemotongan ayam.

"Caj perkhidmatan seperti ini perlu dihentikan sebab sebelum ini tidak pernah ada. Begitu juga potongan bahagian ayam, kita minta peniaga tidak lagi meletak harga sesuka hati. Ini tidak sepatutnya berlaku, tiada sebab untuk ambil untung atas angin lagi," katanya.

Sementara itu, Timbalan Pre-

siden Persatuan Pergerakan Pengguna Malaysia, Beninder Singh, berkata pihaknya berharap segala aspek rantaian bekalan diambil kira sebelum penetapan harga diputuskan.

"Kami pasti kerajaan melakukan analisis kos terperinci sebelum membuat pengumuman harga baharu kawalan ayam ini.

"Diharapkan agar segala aspek rantaian bekalan sudah diambil kira kerana adalah penting untuk kita wujudkan ekosistem yang harmoni di antara peniaga dan pengguna. Tidak boleh sebelah pihak untung dan satu lagi rugi," katanya.

Bellau juga berharap pementau berterusan dilaksana pe-

nguat kuasa dalam memastikan bahawa harga kawalan ini betul-betul diguna pakai.

"Tiada gunanya memperkenalkan harga kawalan tetapi tiada pematuhan di pihak peniaga. Juga diharapkan agar tanda harga dipaparkan dengan jelas di setiap premis, selain memastikan bekalan tidak terputus," katanya.

Sementara itu Pegawai Pendidikan Persatuan Pengguna Pulau Pinang (CAP), NV Subbarow, berharap susulan harga baharu itu, tiada lagi caj pemotongan ayam oleh peniaga yang sebelum ini mengambil kesempatan mengenakan caj hingga RM2 untuk perkhidmatan itu.





**NURIN SYAKIRA (kiri)** melayan pelanggan di gerai durian nya di tepi Jalan Gua Musang-Kuala Krai di Gua Musang semalam. – AIMUNI TUAN LAH

## Jual 100kg musang king setiap hari

**GUA MUSANG** – Seorang peniaga wanita berjaya menjana pendapatan lebih RM3,000 sehari apabila dapat menjual 100 kilogram durian musang king di tepi Jalan Gua Musang-Kuala Krai, Bandar Utama di sini setiap hari.

Nurin Syakira Husam, 27, berkata, dia membuka gerai durian berhampiran Masjid Buhul, di sini untuk mencari pendapatan tambahan sejak dua minggu lalu.

Katanya, dia tidak menyangka buah durian musang king yang dijual pada harga RM38 sekilogram itu mendapat permintaan

tinggi daripada pengguna jalan raya yang singgah untuk menunaikan solat di masjid itu.

"Saya bersyukur apabila setiap hari durian musang king berjaya dijual antara 100 sehingga 150 kilogram setiap hari.

"Saya mengambil durian ini daripada pekebun musang king di Kampung Temangan, dekat sini. Saya tidak menyangka permintaan durian musang king begitu tinggi kerana pengeluarannya tahun ini amat terhad," katanya ketika ditemui Kosmo! semalam di sini semalam.

Menurut Nurin Syakira, dia

berniaga bersama suaminya, Muhammad Aarif Abdullah Zawawi, 27, seawal pukul 9 pagi.

Katanya, selain datang sendiri ke gerai mereka, tempahan durian boleh dilakukan melalui laman sosial Facebooknya iaitu Nurin Syakira.

"Kami jamin buah durian musang king ini tidak mengecewakan penggemar kerana ia berkualiti tinggi.

"Selain menjual durian musang king, kami juga menjual buah nanas jenis MD2 dan dapatlah menampung perbelanjaan kami berdua," katanya.

FOOD SECURITY AND SUSTAINABILITY

# Ranau quake victim now an expert on modern farming

**RANAU:** The 6.0-magnitude earthquake that struck Ranau in 2015 disrupted the water supply and affected villagers who used conventional farming methods in the fertile highlands.

After that, Azizul Julirin, 34, decided to adopt modern farming methods in Kundasang.

That year, he quit his job with the Sabah Land Development Board to fulfil his dream of getting into agriculture, which his family has done for 30 years.

Azizul was in Japan 10 years earlier when he learnt about the concept of aquaponic survival kits for post-quake victims as a solution to address food crises.

Today, he conducts training on modern farming and has helped at least 2,000 farmers learn ways to sustain their livelihoods while producing good crops.

After winning cash prizes and grants worth RM85,000 in three competitions organised by the government in 2016, he set up a modern farm in Kundasang.



People at a training session on modern farming methods at the Kundasang Aquafarm in Ranau. PIX COURTESY OF AZIZUL JULIRIN

Through aquaponic and hydroponic methods, which use less water than conventional farming, the farm mainly focuses on producing red and green coral lettuce.

Today, the farm annually supplies about 300 tonnes of crop, worth about RM300,000, to hypermarkets and hotels in Sabah. The crops are also exported to Sarawak and Brunei.



The Kundasang Aquafarm aims to educate people on the importance of food security to cushion the impact of inflation and rising prices.

Another farm was opened in 2018 for agrotourism and education.

Azizul has trained more than 2,000 people, including students from higher learning institutions across the country.

"Training people is a way of giving back to the community. Hydroponic farming is easy to learn and does not require green fingers to make it work."

Azizul, who is currently training youth from the interiors of Sabah, said although Sabah is blessed with vast land, many assume that

agricultural land should be used mainly for commodities like oil palm.

He said he wanted to educate people on the importance of food security to cushion the impact of inflation and rising food prices.

"The main target is to ensure community food security through self-sustenance. After that, they can sell their crops as a side income or commercialise them on a bigger scale."

"We also help by buying their crops if they are facing difficulties marketing it."